

ACR - 6200  
INVC...nms 5/2/01

**SATU KAJIAN PENGUASAAN SEBUTAN  
BAHASA AL-QURAN DIKALANGAN  
PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN AGAMA**

OLEH

**ABDUL RAHMAN BIN MD. HASSAN**

**FAKULTI BAHASA & LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
1999**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510141778

## KANDUNGAN

Prakata .....	i
Sinopsis .....	iii
Penghargaan .....	v

### Bab 1:Pengenalan

1.0 Pendahuluan .....	1
1.1 Pentingnya Analisis Kesilapan .....	7
1.2 Tujuan Kajian .....	9
1.3 Ruang Lingkup Kajian .....	10
1.4 Responden .....	10
1.5 Perbatasan Kajian .....	10
1.6 Metodologi Kajian .....	11
1.7 Tinjauan Awal Kajian Lepas .....	13

### Bab 2: Sebutan Bahasa Al-Quran dan Permasalahannya

2.0 Pendahuluan .....	16
2.1 Huruf-Huruf Al-Qur'an .....	19
2.1.1 Sistem Tulisan dan Ejaan Bahasa Arab .....	20
2.1.2 Tanda Baca .....	24
a) Tanda Baris .....	24
b) Tanwin .....	25
c) Syaddah .....	25
d) Baris Sakinah .....	26
e) Vokal Panjang dan Ditong .....	26
2.1.3 Bunyi Yang Berdekatan .....	27
2.2 Ghunnah .....	27
2.3 Kawasan Letak Huruf .....	28

2.3.1 Kawasan Bibir Mulut .....	28
2.3.2 Kawasan Lidah .....	29
2.1.3 Kawasan Halqum .....	30
2.1.4 Kawasan Rongga Mulut .....	30
2.1.5 Kawasan Rongga Hidung .....	31
<b>2.4 Sifat-sifat Huruf .....</b>	<b>33</b>
2.4.1 Sofir .....	34
2.4.2 Qolqalah .....	34
2.4.3 Lin .....	36
2.4.4 Inhiraf .....	36
2.4.5 Taqrir .....	36
2.4.6 Tafasysyi .....	37
2.4.7 Istitalah .....	37
2.4.8 Hams .....	37
2.4.9 Jarh .....	37
2.4.10 Syaddah .....	38
2.4.11 Rakhawah .....	38
2.4.12 Tawassut .....	38
2.4.13 Isti'la' .....	38
2.4.14 Istifal .....	39
2.4.15 Itbaq .....	39
2.4.16 Infitah .....	39
2.4.17 Izlaq .....	39
2.4.18 Ismat .....	39
<b>2.5 Cara Menyembunyikan Huruf .....</b>	<b>42</b>
2.5.1 Huruf wau ( وَوْ ) .....	42
2.5.2 Huruf Mim ( مِمْ ) .....	42
2.5.3. Huruf Ba ( بَأْ ) .....	43
2.5.4 Huruf Fa ( فَأْ ) .....	43
2.5.5 Huruf Dza' ( ذَاءْ ) .....	44
2.5.6 Huruf Zal ( ذَالْ ) .....	45
2.5.7 Huruf Tha' ( ثَاءْ ) .....	45

2.5.8 Huruf Zai	( زاء )	46
2.5.9 Huruf Sad	( د صاد )	46
2.5.10 Huruf Sin	( سين )	47
2.5.11 Huruf Ta'	( تاء ), Dal ( دال ) dan Ta'	48
2.5.12 Huruf Ra'	( راء )	49
2.5.13 Huruf Nun	( نون )	50
2.5.14 Huruf Lam	( لام )	51
2.5.15 Huruf Dhad	( ضاد )	51
2.5.16 Huruf Jim	( جيم )	52
2.5.17 Huruf Syin	( شين )	53
2.5.18 Huruf Ya'	( ياء )	53
2.5.19 Huruf Kaf	( كاف )	54
2.5.20 Huruf Qaf	( قاف )	55
2.5.21 Huruf Kha'	( خاء )	55
2.5.22 Huruf Ghin	( غين )	56
2.5.23 Huruf Ha'	( هاء ) dan 'Ain ( عين )	56
2.5.24 Huruf Ha'	( هاء )	57
2.5.25 Huruf Hamzah	( همزه )	58
2.5.26 Huruf- huruf Mad	( لف ، واء ، ياء )	59
2.6 Sifat-Sifat Huruf Yang Tidak Tetap	.....	61
2.6.1 Izhar	.....	61
a. Izhar Halqi		62
b. Izhar Syafawi		62
c. Izhar Mutlak		63
d. Izhar lam		63
2.6.2 Idgaham	.....	66
a. Sebab bersamaan		66
b. Sebab sejenis		66
c. Sebab Berdekatan		67
2.6.3 Ikhfa'	.....	73
a. Ikhfa' Hakiki		73
b. Ikhfa' Syafawi		74

2.6.4 Iqlab .....	76
2.6.5 Tafkhim dan Tarqiq .....	76
a. Sebutan huruf Ra	78
b. Ditebalkan sebutan Lam atau Tafkhim Lam	80
c. Sebutan huruf Alif	80
d. Dinipiskan dengung atau gunnah Ikhfa'	80
2.7 Mad .....	84
2.7.1 Huruf-huruf Mad	84
2.7.2 Pembahagian Mad	84
2.8 Wakaf dan Ibtida'	94
2.8.1 Jenis-Jenis Berhenti (Waqaf)	96
2.8.2 Sebab-Sebab Wakaf	98
2.8.3 Cara Mewakafkan Bacaan	107
<b>Tanda-tanda wakaf</b>	<b>109</b>
<b>Ibtida'</b>	<b>112</b>

### **Bab 3: Analisis Data**

3.0 Pendahuluan .....	118
3.1 Dapatan Kajian Utama .....	119
3.2 Dapatan Soal Selidik dan Temubual Dengan Pelajar	153
3.3 Dapatan Soal Selidik Guru-Guru Al-Qur'an .....	154

### **Bab 4: Rumusan dan Cadangan**

4.0 Pendahuluan	157
4.1 Rumusan	157
4.1.1 Hubungan Antara Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Pelajar Dengan Masalah Yang Dihadapi .....	157
4.1.2 Hubungan Antara Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Pelajar Dengan Cara Pengajaran Guru .....	161
4.1.3 Hubungan Antara Kesalahan Yang Dilakukan Oleh Pelajar Dengan Masa Yang Diperuntukkan .....	163

4.1.4 Hubungan Antara Kesalahan Pelajar Dengan Kemudahan Asas	164
4.1.5 Sikap Pelajar Dan Perhatian Ibubapa .....	165
<b>4.2 Cadangan</b>	
4.2.1 Pengajian Al-Qur'an Peringkat Pra Sekolah .....	167
4.2.2 Pengajian Al-Qur'an Sekolah Rendah dan Menengah	171
4.2.3 Pengajian Al-Qur'an di Maktab dan Universiti	172
4.2.4 Peranan Guru Dalam Usaha Mengatasi Masalah Kelemahan Membaca Al-Qur'an.....	173
4.2.5 Penubuhan Kelab Al-Qur'an .....	174
4.2.6 Media Massa .....	175
4.2.7 Kesedaran dan Motovasi .....	177
4.2.8 Penyelian Ibubapa .....	178
<b>Rujukan</b> .....	178
<b>Lampiran 1</b> .....	182
<b>Lampiran 2</b> .....	187
<b>Lampiran 3</b> .....	191
<b>Lampiran 4</b> .....	192

## **JADUAL**

Jadual 1 .....	22
Jadual 2 .....	23
Jadual 3 .....	32
Jadual 4 .....	41
Jadual 5 .....	65
Jadual 6 .....	72
Jadual 7 .....	75
Jadual 8 .....	83
Jadual 9 .....	93
Jadual 10A .....	110
Jadual 10B .....	111
Jadual 10C .....	117
Jadual 11 .....	120
Jadual 12 .....	121
Jadual 13 .....	121
Jadual 14 .....	123
Jadual 15 .....	125
Jadual 16 .....	126
Jadual 17 .....	129
Jadual 18 .....	133
Jadual 19 .....	138
Jadual 20 .....	142
Jadual 21 .....	146
Jadual 22 .....	148
Jadual 23 .....	150
Jadual 24 .....	152
Jadual 25 .....	152

## PRAKATA

Ramai orang memperkatakan tentang kelemahan membaca Al-Quran khususnya di kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah. Kelemahan ini membimbangkan kerana ia adalah ibadat yang berkait pula dengan ibadat lain iaitu sembahyang. Walau bagaimanpun sehingga hari ini belum ada suatu kajian yang terperinci mengenainya. Menyedari hakikat ini, saya cuba mengkaji punca-punca utama bagi masalah yang dihadapi dan berusaha mengenal pasti aspek-aspek kelemahan yang perlu diatasi. Saya memilih tajuk "SATU KAJIAN PENGUASAAN SEBUTAN BAHASA AL-QUR'AN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA" untuk mendapat gambaran yang menyeluruh. Dengan mengetahui kelemahan pelajar-pelajar sekolah menengah dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kelemahan tersebut akan berterusan hingga mereka dewasa kerana tidak ada masa lagi untuk mereka belajar secara formal. Kalau pelajar-pelajar sekolah agama didapati lemah membaca Al-Quran, sudah tentu pelajar di sekolah Menengah Kebangsaan biasa lebih lemah dari itu lagi. Kelemahan pelajar-pelajar sekolah menengah menguasai sebutan Al-Quran menggambarkan kegagalan proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat sekolah rendah kerana sepatutnya mereka telah dapat menguasainya sebelum memasuki sekolah menengah.

Kajian ini membicarakan tentang hukum-hukum *tajwid* yang menjadi panduan kepada mereka yang membaca *Al-Quran*. Setiap kaedah yang dikemukakan, disertakan dengan contoh-contoh yang boleh membantu pembaca memahaminya dengan mudah. Bahagian utama kajian ini ialah analisis tentang kesalahan pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu membunyikan bahasa *Al-Quran* dan punca timbulnya masalah tersebut.

Adalah diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang prihatin terhadap kelemahan tersebut. Saya amat sedar bahawa masih ada banyak kelemahan terdapat dalam kajian ini. Walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya ia menjadi pembuka jalan kepada kajian-kajian yang lebih menyeluruh. Sebarang kelemahan dan kesalahan sekiranya ada, silalah betulkan semoga boleh memberi kebaikan kepada semua.

Abdul Rahman bin Md Hassan,  
Fakulti Bahasa & Linguistik  
Universiti Malaya.

## SINOPSIS

Disertasi ini ditulis berdasarkan kajian yang dilakukan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu. Fokus utama kajian yang dibuat adalah kepada guru-guru yang mengajar Al-Quran dan Pelajar-Pelajar Tingkatan Tiga Tahun 1997.

Bab pertama merupakan pengenalan yang menerangkan tentang permasalahan pelajar-pelajar membaca Al-Quran secara umum. Kemudian dinyatakan secara ringkas tentang kepentingan analisis kesilapan, kepentingan kajian ini, ruang lingkup kajian, responden, batasan kajian metodologi dan tinjauan awal kajian lepas.

Bab kedua membicarakan tentang cara membunyikan bahasa Al-Quran yang melibatkan makhraj huruf, sifat-sifatnya yang lazim dan yang tidak lazim, *mad*, *qasr*, *waqaf* dan *ibtida*'.

Bab ketiga diisi dengan data-data yang dikumpul dan dimasukkan ke dalam jadual mengikut jenis-jenis kesalahan dan dianalisis satu persatu. Daripada analisis yang dibuat, lahir masalah-masalah sebenar tentang kelemahan-kelemahan para pelajar membaca Al-Quran. Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca kepada masalah tersebut dan perlu dicari jalan penyelesaian.

Bab keempat merupakan rumusan dan cadangan. Dalam bab ini dirumuskan dapatan yang diperolehi dari bab ketiga dan

disimpulkan masalah-masalah utama mengikut aspek-aspek tertentu. Seterusnya dikemukakan cadangan penyelesaian bagi masalah-masalah tersebut.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad (SAW), seluruh keluarganya dan para sahabat.

Saya mengucapkan banyak-banyak kesyukuran kepada Allah (SAW) yang mana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan disertasi ini bagi menyempurnakan pengajian sarjana saya.

Dalam ruangan ini saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan khusus kepada penyelia saya, Ustaz Muhammad bin Abdul Rahman yang banyak memberi tunjuk ajar dan membimbing saya dari awal hingga ke akhir. Dorongan dan kata-kata perangsang yang diberi menjadikan semangat saya sentiasa segar sekalipun berhadapan dengan berbagai-bagai masalah.

Penghargaan juga ditujukan kepada Ustaz Rosdi bin Ismail, Ustaz Husain dan semua pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya yang telah membekalkan maklumat dan pengetahuan kepada saya secara langsung dan juga secara tidak langsung sehingga saya dapat menulis dan menyiapkan disertasi ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya di bawah pimpinan Profesor Dato' Asmah Haji Omar di atas segala kerjasama yang diberikan sepanjang usaha saya menyiapkan kajian ini.

Juga saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak Sekolah Menengah Agama Kebangsaan Agama Tok Jiring, Kuala Terengganu khususnya Tuan Pengetua yang telah memberi

kerjasama dan guru-guru Al-Quran serta pelajar-pelajar yang sudi menjadi responden dalam kajian ini.

Tidak ketinggalan juga, ucapan terima kasih kepada kawan-kawan yang membantu saya dalam bentuk idea dan teknikal.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada isteri yang tersayang, Che Noriah binti Yusof dan anak-anak; Noor Azizah, Qamaruddin, Nor Hana, Maryam dan Fatimah yang banyak membantu menyiapkan kajian ini.

Saya memohon keampunan daripada Allah S.A.W. andainya usaha ini menyebabkan terabai tanggungjawab saya terhadap anak-anak yang memerlukan penuh perhatian dan bimbingan daripada saya seperti Muhammad, Abdulah, Ahmad Yusuf, Abdul Aziz, Solahuddin, Hassan Syukri, ‘Aisyah dan Khadijah.

Akhir sekali saya doakan kepada semua yang terlibat agar dirahmati Allah di dunia dan di akhirat.